

# UTHM beri zakat, pinjaman tanpa faedah bantu pelajar tidak berkemampuan

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersedia menawarkan pelbagai bentuk bantuan termasuk pemberian zakat dan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar tidak berkemampuan bagi membantu mereka menyambung pengajian ke universiti.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ir Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim berkata, UTHM amat mengutamakan kebaikan dan kesejahteraan pelajarnya.

Menurutnya, universiti itu menawarkan 11 produk kebaikan pelajar antaranya Tabung Zakat Pelajar, Tabung Pinjaman Pelajar, Dana Wang Ihsan serta program bantuan makanan Sabil Al-Hikmah dan Food Bank Siswa bagi mengurangkan beban sara hidup mereka sepanjang tempoh pengajian.

"UTHM turut menawarkan beberapa bantuan lain seperti Skim Bantuan Mahasiswa OKU, Insurans Berkelompok Pelajar, Skim Bantuan Mahasiswa Orang Asli, Skim Pelajar Bekerja, Surat Jaminan Hospital dan Khairat Kematian," katanya.

Jelas beliau, UTHM juga menyediakan Tabung Pinjaman Pelajar tanpa faedah bagi membantu pelajar yang memerlukan menjelaskan yuran pengajian masing-masing.

"Bantuan zakat pula diberikan kepada pelajar asnaf termasuk faikir, miskin, gharim dan fisabilillah bagi membantu mereka menampung kos sara hidup dan menjelaskan yuran pengajian.

"Dana Ihsan seperti bantuan yuran pengajian, sara hidup, bencana alam dan musibah turut di-



FOTO UTHM

UTHM menawarkan pelbagai bentuk bantuan termasuk pemberian zakat dan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar yang tidak berkemampuan.

berikan kepada golongan pelajar B40 yang mempunyai masalah kewangan," ujarnya.

Tambah beliau, bagi membantu pelajar kesempitan wang untuk membeli makanan, pihak universiti turut memberi bantuan makanan secara *food pack* melalui program Sabil Al-Hikmah.

Selain itu katanya, UTHM melaksanakan program 'Food Bank Siswa' dengan mengedarkan makanan kering dan *food pack* setiap bulan kepada mereka yang memerlukan.

Ujarnya, pelajar tidak berkemampuan juga diberikan bantu-



RUZAIRI

an komputer riba untuk memudahkan mereka menghadapi sesi pembelajaran.

"Usaha ini membantu anak bangsa meruskan pengajian di institut pengajian tinggi, sekali gus menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang ingin melahirkan bakat terbaik negara," katanya.

Pada Jumaat, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zamzry Abd Kadir mengarahkan semua pentadbir universiti menerima masuk pelajar miskin dan daif, termasuk menangguhkan bayaran yuran pendaftaran.